

15 JUN 1999

Kelantan-projek

KETEPIKAN FAHAMAN POLITIK UNTUK KEMAJUAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 15 Jun (Bernama) -- Kesediaan Kerajaan Pusat melaksanakan sepenuhnya projek pembangunan di Kelantan yang melibatkan peruntukan RM2.5 bilion, dengan mengenepikan fahaman politik dianggap sebagai wajar.

Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Kelantan, Nik Abdul Rahman Nik Taib berkata langkah itu setimpal dengan dasar Kerajaan Pusat yang tidak pilih kasih dalam melaksanakan pembangunan kepada rakyat.

"Dewan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sanggup mengenepikan fahaman politik untuk rakyat Kelantan," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Minggu lepas, Tun Daim mengarahkan supaya semua projek yang dirancang di Kelantan diteruskan, manakala projek yang sudah diluluskan dilaksanakan segera.

Antara projek-projek itu, pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, pembinaan jabatan ketiga Wakaf Che Yeh-Tendong di Pasir Mas dan projek lebuh raya Gua Musang-Lojing.

Nik Abdul Rahman berkata sebelum ini ramai pengusaha khususnya kontraktor Bumiputera kehilangan pekerjaan akibat tiada projek yang hendak dilaksanakan di negeri ini.

Katanya, terdapat juga di kalangan pengusaha terbabit menghentikan operasi mereka dan membuat pekerjaan lain berikutan kegawatan ekonomi.

Beliau berkata dengan peruntukan yang lebih besar itu para pengusaha boleh memajukan perniagaan mereka sekaligus mengembalikan maruah ekonomi negara.

Menurut Nik Abdul Rahman, penambahan peruntukan sebanyak RM500 juta lagi kepada Kelantan menandakan sikap prihatin kerajaan pusat terhadap negeri Kelantan.

-- BERNAMA

MNR RI